

**NO. SOALAN:363**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI [SIBU]**

**SOALAN :**

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [ Sibu ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah dan peratusan keluarga di Malaysia yang berpendapatan kurang daripada RM3000 serta jumlah dan peratusan individu yang berpendapatan kurang daripada RM920.

Senaraikan mengikut negeri juga.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan kepada Dapatan Awalan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah (HIS) 2014, isi rumah berpendapatan kasar di bawah RM3,000 sebulan telah berkurangan daripada 38.6 peratus pada 2012 kepada 28.7 peratus pada tahun 2014. Manakala isi rumah berpendapatan kasar di bawah RM920 sebulan juga menunjukkan penurunan iaitu hanya 1.8 peratus pada 2014 berbanding 3.8 peratus pada 2012.

Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah (HIS) adalah merupakan penyiasatan berkala yang dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan sejak tahun 1974. Tujuan utama penyiasatan ini adalah untuk mengumpul maklumat pola taburan pendapatan isi rumah dan juga untuk mengenal pasti golongan isi rumah miskin. Konsep dan definisi pendapatan yang diguna pakai adalah berdasarkan kepada saranan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (*United Nation*). Pendapatan yang dimaksudkan mestilah terakru dan berlaku berulang kali dalam tempoh rujukan. Konsep ini sejajar dengan amalan negara-negara lain di dunia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN OSCAR LING CHAI YEW [ SIBU ]**

**SOALAN :**

**YB TUAN OSCAR LING CHAI YEW [ SIBU ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan Hospital Kapit sudah lama kekurangan Gynaecologist, bagaimana cara untuk mengatasi masalah ini.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memang prihatin mengenai keperluan pakar sakit puan (ginekologi) di semua hospital kerajaan termasuklah di Hospital Kapit. Perkhidmatan kepakaran bagi bidang ini di Hospital Kapit pada masa ini diberikan oleh pegawai perubatan yang telah dilatih dalam bidang sakit puan tersebut di samping pakar pelawat dari Hospital Umum Sarawak. Kes-kes biasa akan dirawat di hospital Kapit, manakala kes-kes yang rumit akan dirujuk terus ke hospital berpakar yang berdekatan. Penempatan pakar akan dibuat secara berperingkat apabila terdapat calon dari lulusan kepakaran program sarjana atau laluan paralel kelak. Selain itu, pengambilan pakar secara kontrak juga akan dilaksanakan apabila ada calon yang berkelayakan.